
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMG 212– Geografi Fizikal

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada 6 soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jika perlu, sertakan juga ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Tiap-tiap soalan menyumbangkan 25 markah.

...2/-

1. Bincangkan tentang kesan penipisan lapisan ozon terhadap alam sekitar.
(25 markah)

2. “Proses luluhawa kimia berlaku dengan giat di kawasan beriklim Tropika Lembab”. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?
(25 markah)

3. Jelaskan tentang cara-cara hakisan glasier berlaku dan kesannya terhadap pandang darat fizikal di sesuatu kawasan.
(25 markah)

4. Sejauh manakah faktor iklim dapat memainkan peranannya dalam pembentukan tanah di sesuatu kawasan?
(25 markah)

5. “Jika hakisan tanah di kawasan pertanian dibiarkan berterusan tanpa sebarang langkah kawalan, dunia akan menghadapi masalah kekurangan makanan yang kritikal pada masa hadapan”. Bincangkan.
(25 markah)

6. Bincangkan sebab-sebab pembentukan siklon tropika dan fenomena-fenomena cuaca yang berkaitan dengannya.
(25 markah)